

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



# Travelog JPS

WILAYAH  
PERSEKUTUAN (WP)  
KUALA LUMPUR

EDISI 1 : JANUARI - JUN 2024



03 2698 1711



<https://wpkl.water.gov.my>




Jalan Sultan Salahudin

# ISI KANDUNGAN


Sekapur  
Sirih

1



Program  
dan Aktiviti

3




Sekalung  
Penghargaan

33



Posier  
Pengumuman

38



# Sekapur Sirih

## PENGARAH

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS)  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (WPKL)



*Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) telah berjaya menerbitkan Travelog JPS Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur Edisi 1: Januari - Jun tahun 2024.

Travelog JPS WP Kuala Lumpur ini merupakan salah satu wadah penulisan ilmiah yang mengumpulkan laporan aktiviti yang telah dilaksanakan di JPS WPKL sepanjang bulan Januari sehingga Jun tahun 2024. Buletin ini turut menjadi platform yang bermanfaat dengan pelbagai pengkongsian maklumat dan penyebaran informasi yang berguna kepada semua warga JPS WPKL umumnya.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan terima kasih dan tahniah atas komitmen serta kerjasama semua ahli Jawatankuasa, pegawai-pegawai yang telah menyumbang artikel, idea dan tenaga dalam penghasilan Travelog WP Kuala Lumpur pada kali ini.

Semoga dengan penghasilan buletin ini, semua kenangan dan memori yang indah dapat dipotretkan untuk tatapan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



**IR. HAJI MOHD AZMIN BIN HUSSIN, BICN**

Pengarah  
JPS WPKL


# SIDANG Redaksi




*Penasihat*  
IR. HJ. MOHD AZMIN, BCN



*Penyelaras*  
EN. MOKHTAR



*Ketua Editor*  
IR. FARIHAH




*Editor & Pereka Grafik*  
PN. NURWAHIDAH


## SEKALUNG PENGHARGAAN Terima Kasih PENYUMBANG *Travelog*



EN. MOHD FAIZAL  
BME




IR. NOR FAEZAH  
BPSS



PN. NURHAYATI  
BPEM




IR. SITI AZURA  
SMART



EN. SHARUL NIZAM  
PLSK




EN. MOHAMAD HAZLAMI  
BHS& KEJAPS




IR. TS. MOHD RIZAL FIRDAUS  
BPLS




EN. MUHAMMAD ARIFF  
BPLS




EN. MUHAMMAD ZAKWAN  
KEJAPS



PN. FADILAH  
BPEM




PN. RABIATUL ADAWIYAH  
PLSK




EN. MOHD KHAIRUL RIZAL  
BME



EN. MOHD LUTFI AMIR  
BHS&



PN. NUR HAFIZHOH  
PLSK



EN. MEOR IZHAR  
SMART

TERBITAN:  
BAHAGIAN KORPORAT  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50626 KUALA LUMPUR



# MAJLIS *Peluncuran*

## Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040)

OLEH : BAHAGIAN SUNGAI DAN SALIRAN (BPSS)

30 Januari 2024, JPS WPKL telah dijemput bagi menghadiri Majlis Peluncuran Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (Draf PTKL 2040) di mana draf pelan tempatan ini merupakan kerangka utama terhadap pelan pembangunan Kuala Lumpur yang disediakan bagi menterjemah visi serta matlamat yang digariskan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang telah diwartakan pada 19 Oktober 2023.

Draf PTKL 2040 ini secara khusus memberikan penekanan terhadap perancangan cadangan zon guna tanah dan intensiti pembangunan secara spesifik ke atas setiap lot tanah di Kuala Lumpur.

# Taklimat

## SISTEM TELEMETRI NEON, PERISIAN AQUARIUS

OLEH : BAHAGIAN HIDROLOGI DAN SUMBER AIR (BHSA)

Pada 16 Januari 2024, telah dijalankan satu taklimat di Bilik Mesyuarat Utama, JPS WPKL, yang melibatkan pembentangan mengenai Sistem Telemetri Neon dan Perisian Aquarius, serta sesi tanya jawab bersama Syarikat Surechem Sdn. Bhd. Timbalan Pengarah JPS WPKL, Ir Yuhasin binti Yusof, mempengerusikan taklimat ini yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Hidrologi dan Sumber Air (BHSA) dan dari bahagian lain di JPS WPKL, termasuk wakil dari PLSK dan Pejabat SMART.

Objektif sesi taklimat dan pembentangan ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai teknologi baru daripada SureChem dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman dengan JPS WPKL. Pengurus Kanan dari Syarikat Unidata Australia, Encik Kevin, akan memimpin sesi pembentangan ini bersama pegawai teknikal syarikat tersebut.



Majlis Peluncuran ini telah disempurnakan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

Hadir sama di Majlis tersebut adalah YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Pengarah-Pengarah Eksekutif DBKL, Datuk Azman Abidin, Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, wakil agensi kerajaan, wakil badan bukan kerajaan serta wakil dari Majlis Perwakilan Penduduk (MPPWP).





# UJIAN PENERIMAAN PENGGUNA (UAT) BAGI PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA LAMAN WEB RASMI JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)



Satu sesi ujian penerimaan pengguna (UAT) Portal Rasmi JPS WPKL telah diadakan pada 29 Januari 2024 bertempat di Makmal komputer Seroja, JPS Cawangan Ampang. Sesi UAT telah diketuai dan diselaras oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), JPS Malaysia. Antara wakil bahagian-bahagian di JPS WPKL yang turut hadir semasa sesi UAT adalah seperti Bahagian Korporat, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Bahagian Hidrologi dan Sumber Air, Bahagian Pengurusan Banjir, Pejabat Operasi SMART dan PLSK. Tujuan sesi ini dilaksanakan adalah untuk mengesahkan sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan fungsian yang telah digariskan oleh pengguna dan sistem bebas daripada ralat yang boleh menjejaskan operasi sistem.



## KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN TAHUN 2023

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART

Pada 6 Febuari 2024, satu kajian Kepuasan Pelanggan terhadap sistem pengurusan Pusat Kawalan 'STORMWATER MANAGEMENT AND ROAD TUNNEL' (SMART) telah diadakan bagi menilai keberkesanan serta fungsi pengoperasian terowong dwifungsi ini kepada warga kota dalam mengurangkan masalah banjir di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (Tun Perak dan Masjid Jamek) serta mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Kampung Pandan dan Sungai Besi.

Program ini turut memberi pendedahan kepada pelanggan mengenai fungsi terowong SMART dalam mengurangkan kejadian banjir di Pusat Bandaraya akibat limpahan air sungai Klang. Lokasi kajian juga adalah strategik kerana responden merupakan pelanggan yang mempunyai kesan secara langsung terhadap pengoperasian SMART.



# MESYUARAT

## Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) JPS WPKL Bil. 1 Tahun 2024

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL (BME)

3 Februari 2024, 1. Mesyuarat JKKP JPS WPKL Bil. 1 Tahun 2024 telah diadakan pada 31 Januari 2024 (Rabu) di Bilik Mesyuarat Utama, Aras Bawah JPSWPKL yang telah dihadiri oleh 24 org ahli yang terdiri daripada Wakil Majikan dan juga Wakil Pekerja dari JPS WPKL, SMART dan PLSK.

Mesyuarat ini adalah untuk membincangkan tentang status terkini berkenaan Keselamatan dan Kesihatan Pejabat JPS WPKL. Antara pegawai tertinggi yang hadir ialah Pengarah JPS WPKL selaku Pengerusi JKKP JPSWPKL iaitu Ir. Haji Mohd Azmin Bin Hussin yang telah mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Dalam mesyuarat ini juga, satu sesi penyerahan poster keselamatan kepada Wakil Pengurusan JKKP JPS WPKL, Ir Yuhaslin dan Wakil Majikan Tempat Kerja 8 (Pusat Kawalan SMART), Pn KaLsum dan Wakil Majikan Tempat Kerja 9 (PLSK), Tn Hj Zul.






# ASIM AS INTERNATIONAL HALF MARATHON 2024

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

3 Februari 2024, seramai 50 pegawai dari JPS WPKL telah menyertai larian ASIM 2024. Sesi pelepasan larian tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (PETRA). Dalam penyertaan ini, warga JPS WPKL telah menyertai kategori larian 11KM terbuka Lelaki dan Wanita. Alhamdulillah semua pegawai yang telah menyertai larian ini telah berjaya menamatkan larian sejauh 11 KM dengan jayanya. Turut hadir sama dalam program ini, Pengarah JPS WPKL, Ir Hj. Mohd Azmin bin Husin dan Ketua Pengarah JPS Malaysia, Y. Bhg. Mejar (K) Dato' Ir. Dr. Ahmad Anuar bin Othman yang turut memberi sokongan padu kepada semua warga JPS yang telah menyertai larian ini.







## Malaysia Technology Expo (MTE 2024)

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 22-24 Februari 2024, JPS WPKL telah mengunjungi Malaysia Technology Expo (MTE) 2024 yang telah diadakan di Pusat Perdagangan Dunia (World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur.

Ekspo peringkat antarabangsa ini mempamerkan 374 penyertaan daripada para saintis, penyelidik, inovator global, usahawan dan tenaga pakar dalam pelbagai industri mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Persekutuan Persatuan Pencipta Antarabangsa, Chinese Innovation and Invention Society (CIIS), Eurobusiness-haller, Indonesian Invention and Innovation Promotion Association (INNOIPA), Iranian Top Inventors (IRTI), Japan Intellectual Property Association (JIPA), National Research Council of Thailand (NRCT) dan Toronto International Society of Innovation and Advanced Skills (TISIAS).



## Majlis Perjumpaan

## KETUA PENGARAH

bersama warga JPS Malaysia Bil.2 Tahun 2024 dan Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina peringkat JPS Malaysia

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

20 Februari 2024, Majlis perjumpaan Ketua Pengarah bersama warga JPS Malaysia serta Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina telah diadakan di Ibu Pejabat JPS Malaysia, Cyberjaya. Wakil pegawai dari JPS WPKL juga telah turut hadir sama dalam majlis ini.



## PASUKAN PENGAUDITAN PENGURUSAN BANJIR, JABATAN AUDIT NEGARA (JAN) KE PUSAT KAWALAN SMART

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART

Pada 5 Mac 2024, Pusat Kawalan SMART telah menerima kunjungan dari Pasukan Pengauditan Pengurusan Banjir, Jabatan Audit Negara (JAN) yang diketuai oleh Tn Hj. Y Hamdan Bin Mohd Dom, Pengarah Audit Prestasi Bahagian I. Kunjungan ini adalah kunjungan awalan bagi Pengauditan Pengurusan Banjir, JAN.

Kunjungan awalan ini dimulakan dengan sesi taklimat mengenai latar belakang Pusat Kawalan SMART yang telah disampaikan oleh Ir. Amiruddin bin Alaldin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar). Seterusnya lawatan ini diteruskan dengan sesi taklimat mengenai operasi dan pengesanan banjir Pusat Kawalan SMART yang telah disampaikan oleh Ir. Siti Azura binti Mat Daud.

Lawatan turut diadakan di sekitar Pusat Kawalan SMART. Turut sama hadir semasa sesi taklimat adalah Pengarah JPSWPKL, Ir. Haji Mohd. Azmin bin Hussin, Pengarah Operasi SMART, Puan Kalsom Bin Mean, Pengarah Audit Prestasi, Encik Khairul Anuar bin Abd. Rashid serta kakitangan SMART dan JPSWPKL. Seramai 20 orang telah hadir semasa sesi lawatan ini diadakan.



# Lawatan Kerja

## YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN) KE PROJEK RIVER OF LIFE (ROL)

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN SUNGAI DAN SALIRAN (BPSS) & PEJABAT LEMBANGAN SUNGAI KLANG (PLSK)

7 Mac 2024, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) YB Dr. Zaliha Binti Mustafa telah membuat lawatan kerja ke Projek Rol SWTP Lorong Bunus Pakej 1C 1D. Turut serta dalam lawatan ini Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai Ir. Ts Norlida Binti Mamad @ Samad, Pengarah JPS

WPKL Ir. Haji Mohd. Azmin Bin Hussin, Pengarah Operasi PLSK Ir. Dr. Asnor Muizan Bin Hj. Ishak, TPO PLSK, Pegawai-pegawai JPS, Pegawai-Pegawai JPM dan Pegawai-pegawai DBKL. Seramai 30 orang pegawai telah terlibat dalam sesi lawatan tapak ini. Tujuan lawatan tapak ini diadakan adalah untuk memberi

penerangan dan status perkembangan semasa projek River of Life (ROL) di Kuala Lumpur kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) untuk memahami isu-isu yang dihadapi dalam menyelesaikan projek ROL ini di lapangan. Sesi taklimat berkaitan Sistem Interceptor bagi Projek RoL Pakej 1C1D di Lorong Bunus telah disampaikan oleh Ir. Nor Faezah Binti Rozaini, Ketua Bahagian Pengurusan Sungai dan Saliran, JPS WPKL.



# APRESIASI KERJAYA JURUTERA JPS MALAYSIA 2024

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN SUNGAI DAN SALIRAN (BPSS)

## LAWATAN DELEGASI SWASTA KE PLSK

OLEH : PEJABAT LEMBANGAN SUNGAI KLANG (PLSK)

6 Mac 2024, PLSK telah menerima Lawatan Delegasi daripada China @ ShenZhen WaterGas Group Co. Ltd di Kolam Takungan Banjir Jinjang.

Lawatan ini bertujuan meninjau persekitaran Kolam Takungan Banjir Jinjang berkenaan operasi banjir dan penyelenggaraan sampah di sekitar kawasan kolam. Seramai 20 orang terlibat dalam sesi lawatan delegasi ini.



7 Mac 2024, bertempat di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat JPS Malaysia, Cyberjaya, Selangor telah diadakan satu Program Apresiasi Kerjaya Jurutera JPS Malaysia 2024.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk meraikan kejayaan jurutera-jurutera di JPS Malaysia di atas pengtauliah / pengiktirafan di dalam kemajuan kerjaya. Program tersebut telah diadakan dalam keadaan penuh gilang-gemilang dan turut dihadiri YBhg. Dato' Hj. Mad Zaidi Bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA). Penghargaan yang diberikan adalah berupa Sijil Penghargaan yang ditandatangani oleh YBhg. Mejar (K) Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Anuar Bin Othman, Ketua Pengarah JPS Malaysia.

Tahniah diucapkan kepada Ir. Hj. Mohd Azmin Bin Mohd, BCN yang telah menerima sijil penghargaan dalam kategori Professional Engineer, PE dan Ir. Ts. Mohd Rizal Firdaus Bin Wahhit dalam kategori Professional Engineer, PE dan Tamat Pengajian Lanjutan Sarjana.

Semoga menjadi asperasi buat semua Jurutera di JPS WPKL.









# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEJAPS 2023

OLEH : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, JPS WPKL (KEJAPS)

Pada 7 Mac 2024 (Khamis), satu mesyuarat Agung Tahunan (AGM) KEJAPS 2023 telah diadakan di Dewan Tan Sri Abu Zahar, LPP. Tujuan mesyuarat ini diadakan bagi membentangkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2023 kepada semua ahli oleh Ahli Jawatankuasa yang telah dilantik dan juga merancang aktiviti yang bakal dijalankan bagi tahun seterusnya. Satu sesi penyampaian sijil penghargaan kepada AJK KEJAPS sesi 2022/2023 dan sijil penghargaan prestasi cemerlang 2023 kepada Warga KEJAPS juga turut diadakan. Selain itu, Mesyuarat Agung pada kali ini juga telah melantik Ahli Jawatankuasa KEJAPS yang baru bagi sesi 2024/2025. Seramai 114 orang pegawai telah hadir dalam mesyuarat ini yang daripada ahli KEJAPS, JPS WPKL.



## KEJAPS 2024







YBhg. Ir. Haji Mohd Azmin Bin Hussin  
Pengerah  
Jabatan Pengairan Dan Saliran WP Kuala Lumpur  
(Pengerusi KEJAPS)

Ir. Yuhaslin Binti Yusof  
Timbalan Pengerah  
Jabatan Pengairan Dan Saliran WP Kuala Lumpur  
(Timbalan Pengerusi)

Ir. Dr. Asnor Muizan Bin Dato' Hj. Ishak P.M.C  
Pengerah Operasi Pejabat Lembaga Sg. Klang  
(Naib Pengerusi 1)

Puan Kalsom Binti Mean  
Pengerah Operasi Pejabat SMART  
(Naib Pengerusi 2)

En. Azril Hafiz Bin Ab Rahim  
Pengerah JPS Putrajaya  
(Naib Pengerusi 3)



# KEJOHANAN



## BOLA JARING PIALA DATIN PENERUSI PUSPANITA JPS MALAYSIA


OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 8 Mac 2024 (Jumaat), JPS WPKL mewakili KEJAPS telah menyertai kejohanan Bola Jaring Piala Datin Pengerusi Puspanita JPS Malaysia sempena Hari Wanita Sedunia 2024 dengan tema, 'Wanita Dijulang Negara Gemilang' di dewan JPS Malaysia, Cyberjaya.

Julung kalinya pasukan KEJAPS menghantar pasukan Bola Jaring dalam kejohanan kali ini setelah hampir 10 tahun tiada penyertaan dari pasukan KEJAPS. Tahniah diucapkan kepada Pengurus Pasukan KEJAPS, Ir. Nor Faedah binti Rozaini dan semua pemain bola jaring KEJAPS 2024 atas penyertaan kejohanan pada kali ini. Semoga ukhwah antara semua pemain akan terus terjalin dengan aktiviti yang sihat sebegini.

Turut hadir sama dalam kejohanan ini, Y. Bhg. Datin Hajah Norbaiti bin Yaakub, Pengerusi Puspanita JPS Malaysia, Timbalan Pengerusi (I) dan Timbalan Pengerusi (II) bagi menjayakan dan memeriahkan lagi kejohanan ini.





## SESI FOTOGRAFI

### JPS WPKL SEMPERA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2024/1445H

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)


3 April 2024 (Rabu), satu sesi fotografi sempena meraikan Hari Raya Aidilfitri tahun 2024 bersamaan 1 Syawal 1445 telah diadakan di Tugu Negara Malaysia. Warga kerja JPS WPKL turut berpakaian baju raya mengikut warna pilihan Bahagian masing-masing.



# PROGRAM WORLD #QURANHOUR PERINGKAT KEBANGSAAN

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 4 April 2024 (Khamis) bersamaan 24 Ramadan 1445H, satu Program World #QuranHour Peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia 2024 dan Program World #QuranHour Peringkat Kebangsaan (Surah Al-Jumuah) telah diadakan di bilik mesyuarat Utama JPS WPKL. Terima kasih Tuan Pengarah mengetuai bacaan surah Al Jumuah bersama Ketua - Ketua Bahagian serta warga JPS WPKL yg dapat hadir bersama-sama bagi sesi program ini.



Pada 4 April 2024 (Khamis), satu program 'Jom Baca bersama' anjuran Unit Perpustakaan, Bahagian Korporat peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah diadakan di bilik mesyuarat Utama JPS WPKL. Program ini sebagai tanda solidariti JPS WPKL dalam penglibatan dan penyertaan JPS Malaysia di peringkat kebangsaan.





# KUNJUNGAN HORMAT BERSAMA MMC ENGINEERING SDN BHD

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 4 April 2024 (Khamis), satu lawatan kunjungan hormat bersama MMC Engineering Sdn Bhd telah diadakan di bilik mesyuarat Utama, JPS WPKL.

Lawatan ini bertujuan bagi mendapatkan input dan pandangan serta nasihat dari JPS WPKL mengenai cadangan Penguraian Banjir secara menyeluruh dari Wiayah Persekutuan sehingga ke Negeri Selangor dari pihak MMC Engineering tersebut.




## TAKLIMAT “SAFETY ON PUMPING SYSTEM

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (BME)

Pada 22 April 2024, satu taklimat *Safety on Pumping System* oleh Syarikat Ebara Malaysia Sdn. Bhd telah diadakan di bilik mesyuarat Utama yang telah diepengerusikan oleh En Mohd Faizal Bin Muhammad, Ketua Bahagian BME, JPS WPKL. Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan, pendedahan dan pengenalan kepada Ahli JKKP JPSWPKL berkaitan keselamatan dalam sistem pam dan juga menambah baik sistem sedia ada untuk mengoptimalkan penggunaan sistem tersebut.

Selain itu sesi taklimat ini juga bertujuan untuk memastikan setiap Ahli JKKP memahami serba sedikit berkaitan sistem pam tersebut agar dapat melahirkan tenaga kerja yang mahir, berdaya maju dan berpengalaman.





# Program **GOTONG ROYONG** **BUBUR LAMBUK** **KEJAPS 2024**

OLEH : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, JPS WPKL (KEJAPS)

Pada 2 April 2024 (Selasa), satu program gotong-royong penyediaan bubur lambuk telah diadakan di JPS WPKL. Program ini merupakan salah satu program tahunan KEJAPS yang diadakan pada bulan Ramadhan bagi mengisi dan menghayati bulan Ramadhan yang mulia ini di samping berkongsi rezeki sesama warga KEJAPS. Selain itu juga, program ini sekali gus dapat mengeratkan silaturrahim sesama warga dengan pengagihan bubur lambuk dan lauk kari kambing kepada warga KEJAPS dan orang di sekitar JPS WPKL.

# TAKLIMAT

## KESELAMATAN DAN INOVASI DALAM APLIKASI VSD


OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (BME)



29 April 2024, satu taklimat Keselamatan dan Inovasi dalam Aplikasi VSD yang diketuai, En. Terence Ng dari Syarikat API Solution Sdn. Bhd telah diadakan di bilik mesyuarat Utama yang telah dipengerusikan oleh En Mohd Faizal Bin Muhammad, Ketua Bahagian BME, JPS WPKL.

Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan, pendedahan dan pengenalan kepada Ahli JKKP JPSWPKL berkaitan keselamatan sistem elektrik dan juga menambah baik sistem sedia ada serta inovasi dalam aplikasi VSD. Kursus ini juga bertujuan untuk memastikan setiap Ahli JKKP memahami serba sedikit berkaitan fungsi sistem VSD tersebut agar dapat melahirkan tenaga kerja yang mahir, berdaya maju dan berpengalaman.


Selain itu sesi taklimat ini juga bertujuan untuk memastikan setiap Ahli JKKP memahami serba sedikit berkaitan sistem pam tersebut agar dapat melahirkan tenaga kerja yang mahir, berdaya maju dan berpengalaman.



## LAWATAN TAPAK JKKP KE ECRL GENTING TUNNEL

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (BME) & BAHAGIAN PENGURUSAN SUNGAI DAN SALIRAN

6 Mei 2024, satu lawatan tapak Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) JPS WPKL ke ECRL Genting Tunnel, Bentong, Pahang. Turut Hadir sama dalam lawatan ini, Pengarah JPS WPKL dan Pengarah Operasi Pusat kawalan SMARTserta Pengarah Operasi (PO) PLSK. Seramai 40 orang Ahli JKKP JPS WPKL telah hadir ke sesi lawatan ini.





# KEJUTAN SEMPENA HARI KELAHIRAN *Pengarah*






# Sesi Penilaian **PERTANDINGAN** **HIASAN RAYA PEJABAT** 2024M I 1445H

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 29 April 2024 (Isnin), satu sesi penilaian bagi pertandingan Hiasan Raya Pejabat anjuran Bahagian Korporat JPS WPKL yang telah diadakan di pejabat masing-masing. Penyertaan ini terbuka kepada Pejabat di bawah naungan Pengarah JPS WPKL iaitu Bahagian-bahagian di JPS WPKL, Bahagian Mekanikal dan Elektrikal (BME), Bahagian Pengurusan Banjir(BPB), Bahagian Pengurusan Sungai dan Saliran (BPSS), Bahagian Pembangunan (BPEM), Bahagian Perolehan(BPER), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Bahagian Hidrologi dan Sumber Air (BHSA), Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak (BUBK) dan Pejabat Operasi, Pusat Kawalan SMART serta Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLSK).

Tahniah diucapkan kepada pasukan pejabat, Pusat Kawalan SMART yang telah menjuarai pertandingan ini. Tempat kedua telah dimenangi, oleh Pejabat Lembangan Sungai Klang , PLSK dan tempat ketiga telah dimenangi oleh Bahagian Mekanikal dan Elektrikal, JPS WPKL.



Poster Pertandingan



Tempat Pertama :  
Pusat Kawalan SMART



Tempat Kedua :  
PLSK



Tempat Ketiga :  
BME JPS WPKL



## SEMARAK SYAWAL PUSAT KAWALAN SMART

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART

25 April 2024, Pusat Kawalan SMART telah menganjurkan program sambutan hari raya aidilfitri. Sambutan ini turut dihadiri oleh Datuk Ir. Hj. Abdullah bin Isnin (Mantan Ketua Pengarah JPS Malaysia), Ir. Haji Mohd Azmin bin Hussin (Pengarah JPSWPKL), Ir. Dr. Norlida Mohd Dom (Pengarah Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara), Ir. Dr. Asnor Muizan Bin Hj. Ishak (Pengarah Operasi PLSK) wakil bahagian-bahagian JPS Malaysia, dan semua jemputan daripada JPS Wilayah Persekutuan, Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLSK), IPMI Zon Tengah dan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN). Sambutan ini diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga SMART dan JPS.










# MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI JPS MALAYSIA 2024

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

2 Mei 2024, Majlis Perhimpunan Ketua Pengarah JPS Malaysia bersama warga JPS Malaysia dan Sambutan Aidilfitri JPS Malaysia 2024 telah diadakan di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat JPS Malaysia, Cyberjaya.

Majlis Sambutan Aidilfitri JPS Malaysia 2024 turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Pusat Kawalan SMART dan PLSK telah mewakili JPS WPKL bagi persiapan Pertandingan Gerai Raya tercantik sempena Sambutan Aidilfitri 2024. Tahniah juga buat warga PLSK kerana telah memenangi Video Terbaik Raya Aidilfitri JPS Malaysia.





2024M



MAJLIS JAMUAN RAYA AIDILFITRI



SALAM AIDILFITRI



→ 10



→ 11



FILM NEGATIVE

→ 13

→ 13 A

→ 14

→ 14 A



FILM NEGATIVE

FILM NEGATIVE

# Majlis

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI  
JPS WPKL 1445H/ 2024M

30 April 2024 (Selasa)

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)









**RIANG RAYA** *Aidilfitri*






2024M



MAJLIS JAMUAN RAYA AIDILFITRI



SALAM AIDILFITRI



FILM NEGATIVE



FILM NEGATIVE



# TAKLIMAT




## KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

OLEH :BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (BME)

13 Mei 2024, satu taklimat keselamatan dan kesihatan di tempat kerja telah diadakan di bilik mesyuarat Utama, Empangan Batu. Seramai 21 orang pegawai telah menyertai sesi taklimat ini.

Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan, pendedahan dan kesedaran kepada Ahli JKPP JPS WPKL tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan juga penambahbaikan dalam menguruskan sistem tersebut. Kursus ini juga bertujuan untuk memastikan setiap Ahli JKPP mengingati kembali fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa ini bagi memastikan pengurusan KKP JPS WPKL sentiasa dalam keadaan terbaik.

JPS WPKL mengucapkan terima kasih atas kesudian Pejabat Operasi, PLSK dengan kerjasama Trans Resources Corporation Sdn. Bhd. kerana telah memberikan taklimat berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.



# TAKLIMAT

## INTRODUCTION TO FIRST AID & CPR TRAINING

OLEH :BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (BME)

14 Mei 2024, satu taklimat *Introduction to First Aid & CPR Training* telah diadakan di Institut Latihan, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Kuala Lumpur yang diketuai oleh En Yusnizam, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Taklimat ini bertujuan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan asas tentang langkah-langkah bantu mula yang perlu dilakukan oleh kakitangan dalam menghadapi situasi kecemasan. Latihan bermula dengan penekanan kepada setiap peserta untuk mengetahui asas pertolongan cemas dan pemulihan Kardiopulmonari atau CPR bagi melahirkan seorang pembantu pertolongan cemas yang terlatih.

Semua peserta diwajibkan untuk menjalani ujian bagi memastikan peserta telah memahami asas berkaitan pertolongan cemas dan CPR. Sekiranya lulus ujian tersebut, peserta akan menerima sijil kompetensi yang mana sijil tersebut melayakkan peserta untuk memberikan pertolongan cemas dan CPR pada orang ramai.

Pihak PBSM mengucapkan terima kasih atas kesudian pihak JPS menjalani latihan berkaitan pertolongan cemas dan CPR.




# LAWATAN TURUN PADANG (TUPA)

**OLEH JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JWP) KE KOLAM TAKUNGAN BANJIR SRI JOHOR**

OLEH : BAHAGIAN PEMBANGUNAN (BPEMB)

14 Jun 2024, satu lawatan turun padang (TUPA) bersama dengan Jabatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JWP), Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTG WPKL) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diadakan di Kolam Takungan Banjir (KTB) Sri Johor.

Tujuan TUPA ini diadakan adalah untuk mengetahui status sebenar permohonan Galeri Jualan ARI Permaisuri di atas Lot KTB Sri Johor. Pegawai Pengawal bagi kolam ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan diselenggara oleh Jabatan Pengairan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPS WPKL). Seramai 24 orang pegawai telah hadir ke sesi TUPA ini.



# LAWATAN

**PASUKAN INTEGRITI JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH PETRA**

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

27 Jun 2024, Pusat Kawalan SMART telah menerima kunjungan dari Pasukan Integriti Jabatan dan Agensi di bawah PETRA. Kunjungan ini merupakan sebahagian daripada agenda mesyuarat penyelarasan integriti yang diadakan pada hari tersebut.

Sesi lawatan ini dimulakan dengan sesi taklimat mengenai operasi dan pengesanan banjir Pusat Kawalan SMART yang telah disampaikan oleh Ir. Siti Azura binti Mat Daud. Lawatan turut diadakan di sekitar Pusat Kawalan SMART. Seramai 25 orang pegawai telah hadir ke sesi lawatan ini.



# Program

## LIBAT URUS BERSAMA PENDUDUK KOLAM AIR

**Bagi Projek Pemuliharaan Tebing Sungai Batu Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Berhampiran Jalan Kolam Air, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN SUNGAI DAN SALIRAN (BPSS)

16 Mei 2024, satu program libat urus ini bersama Penduduk Kolam Air telah diadakan di Padang Permainan Jalan Kolam Air 1, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk memberi taklimat projek kepada komuniti penduduk Jalan Kolam Air serta mendapatkan maklumbalas dan cadangan daripada komuniti sebelum tender projek ini dimuktamadkan.

Taklimat projek ini telah disampaikan oleh En. Muhammad Ariff Bin Abdul Khalid daripada Bahagian Pengurusan Sungai dan Saliran, JPS WPKL dan Pn. Noor Baizura Binti Ramli daripada Bahagian Rekabentuk dan Empangan, JPS Malaysia. Penduduk di Kolam Air, Sentul ini telah menyambut baik cadangan projek daripada pihak JPS. serta telah berkongsi beberapa cadangan penambahbaikan bagi pelaksanaan projek ini kelak. Sesi taklimat projek ini telah dihadiri oleh wakil daripada Pejabat YB Parlimen Segambut


Hannah Yeoh iaitu En. Wong. Selain itu, program libat urus ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, JPS Malaysia serta wakil-wakil bahagian JPS WPKL. Seramai 40 orang terlibat dengan program ini.



## Program KUDAH DI PERTEMUAN SG KLANG DAN SG AMPANG

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART

28 Mei 2024, Pusat Kawalan SMART telah menganjurkan satu program Kudah di pertemuan Sg. Klang dan Sg Ampang. Sebahagian warga kerja Pusat Kawalan SMART telah bergotong royong bagi acara kudah tersebut. Tujuan KUDAH ini diadakan untuk mengurangkan risiko kegagalan fungsi pintu kawalan air akibat longgokan sampah ketika operasi banjir. Terdapat puluhan tayar terpakai antara sampah yang paling banyak perlu diangkut keluar. Diharapkan program KUDAH ini dapat diteruskan pada masa akan datang






## Majlis Perasmian

# PERTANDINGAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TAHUN 2024

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 10 Jun 2024, JPS WPKL telah turut hadir dalam majlis perasmian pertandingan horizon baharu kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) tahun 2024 peringkat JPS malaysia, Dewan serbaguna menara usahawan, putrajaya.

Turut hadir sama ke majlis perasmian ini ialah YBrs. Ir. Hj Mohd Azmin bin Husin, Pengarah JPS WPKL, YBrs. Ir. Dr. Asnor Muizan bin Dato' Hj. Ishak, Pengarah Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLSK), dan pegawai-pegawai di JPS WPKL, Pusat Kawalan Smart dan PLSK sebagai tanda sokongan bagi pertandingan HBKIK 2024.





# PERTANDINGAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (HBKIK) JPS MALAYSIA TAHUN 2024


OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 11-12 Jun 2024, telah berlangsung sesi pembentangan projek inovasi bagi Pertandingan HBKIK JPS Malaysia tahun 2024 di Dewan Serbaguna, Menara Usahawan, Putrajaya. JPS WPKL telah menghantar dua (2) pasukan kumpulan KIK yang terdiri daripada :

- a) kumpulan MIZUBUNGAKU dari Bahagian Hidrologi JPS WPKL dengan tajuk produk/ teknologi inovasi, Point of Detection (PODSTICK) yang merupakan produk bagi peralatan pengesanan amaran awal banjir dan
- b) kumpulan WorkSMART dari Pusat Kawalan SMART JPS WPKL dengan tajuk produk/ teknologi inovasi, Aplikasi SMARTAppX yang merupakan aplikasi bagi merekodkan laporan kerja secara digital.

Sekalung penghargaan Tahniah dan Syabas diucapkan kepada semua ahli kumpulan HBKIK atas segala kerja keras, usaha dan komitmen yang telah diberikan. Semoga kedua-dua kumpulan HBKIK JPS WPKL beroleh kejayaan untuk ke peringkat seterusnya.

Turut hadir bersama-sama dalam sesi pembentangan ini, YBrs. Ir. Hj Mohd Azmin bin Husin, Pengarah JPS WPKL, YBrs. En Mokhtar bin Hasran, Timbalan Pengarah JPS WPKL, YBrs. Pn. Kalsom binti Mean, Pengarah Pusat Kawalan SMART dan pegawai-pegawai di JPS WPKL dan Pusat Kawalan SMART dalam memberikan sokongan kepada pasukan HBKIK JPS WPKL 2024.





# SESI LIBAT URUS

## (PUBLIC ENGAGEMENT)

**BERSAMA KOMUNITI PERINGKAT PEMBINAAN BAGI PROJEK KERJA-KERJA DESILTING KOLAM, SUNGAI SERTA MEMBAIKPULIH STRUKTUR DAN KERJA BERKAITAN DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR**

**OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN SUNGAI DAN SALIRAN (BPSS)**

Pada 19 Jun 2024 bertempat di Dewan Auditorium, Pejabat Cawangan Segambut Bukit Kiara, Kuala Lumpur telah diadakan satu sesi Libat Urus (Public Engagement) Peringkat Pembinaan bagi Projek Kerja-Kerja Desilting Kolam, Sungai Serta Membaikpulih Struktur Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Tujuan sesi libat urus ini diadakan adalah untuk memberi penerangan kepada penduduk dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's) yang berada disekitarnya atau berhampiran berkaitan pelaksanaan projek tersebut. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat/info tambahan daripada penduduk setempat yang mana dapat membantu didalam pelaksanaan projek tersebut.

Sesi libat urus ini juga turut dihadiri oleh YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Ahli Parlimen Segambut) serta NGO's yang terlibat semasa sesi libat urus tersebut adalah Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga TTDI, Friends of Bukit Kiara, TTDI Resident's Association dan Pengerusi Kawasan Pejabat Cawangan Segambut TTDI. Manakala agensi kerajaan yang hadir adalah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai (BPLS) JPS Malaysia, dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).










# PROGRAM KORBAN PERDANA 2024

OLEH : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JPS WILAYAH PERSEKUTUAN (KEJAPS) DAN PLSK

20 Jun 2024, satu program Korban Perdana anjuran KEJAPS telah diadakan di Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLSK). Program ini telah disertai seramai 100 orang pegawai daripada JPS WP Kuala Lumpur, JPS WP Putrajaya, Pusat Kawalan SMART dan PLSK.

Agihan daging korban kepada asnaf telah dibuat kepada tiga (3) Pertubuhan Kebajikan dan satu Maahad Tahfiz. Antaranya, Maahad Tahfiz Nur Hikmah, Pertubuhan Kebajikan Ar-Rahmaniah, Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Raudhatul Nur Jannah, Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Miskin, Tahfiz Al Habbah - Taman Jasa Batu Dam. Terima kasih kepada semua ahli KEJAPS dan pegawai yang telah menyertai program ini.





# DAULAT TUANKU

*Atorqul Saabak & Atorqulany Krah*



BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA

BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA

BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA

BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA



# DAULAT TUANKU

BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA



BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA

BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA

BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA

BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA  
BERKAWAN DULU YANG SALAMA MELAKSA



sumber : FB JPS Malaysia

# SEKALUNG TAHNIAH



Sekalung Tahniah dan Syabas kepada

YBrs. Tuan Haji Zul bin Mohammad (Pengarah Operasi, Pejabat Lembaga Sungai Klang (PLSK), JPS WPKL) di atas pemangkuan Jurutera Awam, Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA C) dengan pelantikan sebagai Pengarah Pengurusan Zon Pantai (PPZP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia

dan

Ir. Yuhastin binti Yusof (Timbalan Pengarah, JPS WPKI) sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Terima kasih atas segala jasa dan bakti sepanjang berkhidmat di Pejabat Operasi, PLSK dan JPS WPKL

Selamat menjalankan tugas dan semoga dipermudahkan segala urusan sepanjang berkhidmat di tempat baru



sumber : FB JPS Malaysia

# SEKALUNG TAHNIAH



Seluruh Warga JPS WPKL mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah dan Selamat Datang ke JPS WPKL

Selamat Bertugas dan menyumbang khidmat bakti di JPS WPKL



sumber : FB JPS Malaysia

# SEKALUNG TAHNIAH



Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah di atas pengesahan jawatan kenaikan pangkat Jurutera Awam Gred J54 kepada

**Puan Kalsom Binti Mean**  
Jurutera Awam Gred J54  
Pengarah Pusat Kawalan SMART  
JPS Malaysia



Seluruh Warga JPS WPKL mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah dan Terima kasih atas segala jasa dan bakti sepanjang berkhidmat di Pejabat Operasi, PLSK

Selamat menjalankan tugas dan semoga dipermudahkan segala urusan sepanjang berkhidmat di tempat baru



sumber : FB JPS Malaysia

SEKALUNG *Tahniah*


PENERIMA ANUGERAH CEMERLANG 2023

**WARGA JPS WPKL**


**JPS WPKL**



IR. MOHD SHAHRIL




IR. TS. MOHD  
RIZAL FIRDAUS



PN. NORFAZILAWATI



EN. NOOR IBRAHIM



CIK NOR AZURA




EN. MOHD JAMAL




EN. IBRAHIM

**PUSAT KAWALAN SMART**



IR. ZULKEFLI



EN FAIZUL HAFIZI




EN NIK MUHD  
MAWARDI


**PEJABAT LEMBANGAN SUNGAI KLANG**



PN. NORAZLINA



PN. NUR HAFIZHOH




PN. SHAWAL LINA







# POSTER *Pengumuman*

SUMBER : FB JPS MALAYSIA



# POSTER Integriti

SUMBER : UNIT INTEGRITI, JPS MALAYSIA






*Travelog*  
**JPS**

WILAYAH PERSEKUTUAN (WP)  
KUALA LUMPUR

**EDISI 1 : JANUARI - JUN 2024**



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS)  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (WPKL)  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50626 KUALA LUMPUR



JPS WP Kuala Lumpur